

TEKS UCAPAN
REKTOR KUKUM BERSEMPENA DENGAN
PROGRAM SYARAHAN UMUM 2006 PERINGKAT KUKUM
PADA 24 OGOS 2006 BERTEMPAT DI DEWAN KAPITOL, KANGAR,
PERLIS.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Rektor KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi)

Yang dihormati Prof. Robert Teasdale Kennedy

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM

Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan KUKUM

Yang dihormati para jemputan dan wakil-wakil pihak industri, dan tidak lupa wakil-wakil media yang hadir pada hari ini.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam syarahan Umum kali pertama Peringkat KUKUM ini.

Terlebih dahulu, saya mewakili warga KUKUM ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada para tetamu jemputan khas kerana sudi hadir pada pagi ini.

Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua jemputan yang terdiri daripada wakil-wakil industri dan peserta yang mengambil bahagian dalam syarahan umum ini.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa ini kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada hari ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Tujuan kita berkumpul di Dewan Kapitol pada pagi ini adalah untuk mendengar satu program syarahan umum yang merupakan program khas yang akan diberi keutamaan universiti ini. Iaitu mengetengahkan para ilmuan warga KUKUM untuk berkongsi kepakaran dan maklumat bersama tuan-tuan dan puan-puan yang berminat untuk menambahkan ilmu pengetahuan didalam bidang-bidang kejuruteraan yang menjadi bidang tumpuan universiti ini.

Kertas kerja yang dilakukan oleh Prof. Robert Teasdale Kennedy yang bertajuk "Power Electronic The Enabling Discipline" merupakan permulaan ke arah program perkembangan wacana ilmu yang akan diterapkan oleh universiti ini sebagai satu langkah positif untuk berkongsi kepakaran dengan pelbagai pihak termasuk pihak industri. Saya berharap program seumpama ini mampu untuk memberikan input yang berguna kepada semua pihak termasuklah pihak industri dimana ia akan dapat dijadikan tempat untuk bertukar maklumat demi kebaikan bersama menerusi konsep "win-win situation".

Malahan, program ini juga diadakan sebagai pendedahan kepada para penyelidik supaya dapat dijadikan sebagai salah satu 'platform' ataupun landasan bagi tujuan mempromosikan KUKUM sabagai salah satu IPTA yang sentiasa menitikberatkan elemen penyelidikan dan rekacipta kepada warganya.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Dalam proses untuk memartabatkan KUKUM sebagai salah satu IPTA yang bergiat aktif dalam bidang penyelidikan dan rekacipta amnya, justeru, menjadi harapan KUKUM untuk mengendalikan majlis ilmu seperti ini untuk memupuk budaya cintakan ilmu dengan mengetengahkan personaliti-personaliti warga KUKUM yang mempunyai kepakaran didalam bidang masing-masing untuk dikongsi bersama dengan pihak industri didalam bidang yang berkaitan. Selain itu perkongsian sinergi ini juga boleh diwujudkan melalui kerjasama yang berkesan diantara pihak universiti dengan pihak industri untuk meneroka penemuan teknologi baru yang sentiasa berkembang demi kebaikan bersama. Ini sememangnya sangat digalakkan oleh kerajaan untuk melihat lebih banyak R&D dijalankan yang pada akhirnya mampu memberikan sumbangan dari segi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan yang akan diberikan kelak.

Bersesuaian dengan hasrat dan tujuan program pada hari ini adalah menjadi harapan semua agar ia dapat memupuk minat budaya penyelidikan sekaligus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar dan staf akademik dalam bidang yang sama.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para jemputan kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri diri dan seterusnya merasmikan Program Syarahan Umum Peringkat KUKUM ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sebenarnya telah menyokong hasrat universiti untuk mempertingkatkan lagi siri syarahan umum mahupun wacana ilmu yang boleh memberikan kebaikan bersama.

Saya sudahi ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.